

ASNBN

Laporan Setengah Tahunan

Bagi tempoh kewangan berakhir
30 September 2025



ASN Equity 3



ISI KANDUNGAN

1. MAKLUMAT TABUNG	1
2. PRESTASI TABUNG	2
3. LAPORAN PENGURUS	6
4. PENYATA PENGURUS	13
5. LAPORAN PEMEGANG AMANAH	14
6. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASN EQUITY 3	15
7. PENYATA KEWANGAN	18
7.1 Penyata Untung Atau Rugi Bagi Tempoh Kewangan Berakhir 30 September 2025	18
7.2 Penyata Pendapatan Komprehensif Bagi Tempoh Kewangan Berakhir 30 September 2025	19
7.3 Penyata Kedudukan Kewangan Pada 30 September 2025	20
7.4 Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Bagi Tempoh Kewangan Berakhir 30 September 2025	21
7.5 Penyata Aliran Tunai Bagi Tempoh Kewangan Berakhir 30 September 2025	22
7.6 Nota-Nota Berkenaan Penyata Kewangan - 30 September 2025	23
8. ALAMAT CAWANGAN ASNB	47
9. MAKLUMAT KORPORAT	49

LAPORAN PENGURUS
ASN EQUITY 3
[Tabung di bawah naungan ASN Umbrella]



Pemegang-pemegang unit ASN Equity 3 yang dihormati,

AmanahRaya Trustees Berhad (ART) selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku Pengurus ASN Equity 3 dengan sukacitanya membentangkan Laporan Setengah Tahunan ASN Equity 3 bagi tempoh kewangan berakhir 30 September 2025.

1. MAKLUMAT TABUNG

1.1 KATEGORI / JENIS TABUNG

Nama Tabung	Kategori	Jenis Tabung
ASN Equity 3 [Tabung di bawah naungan ASN Umbrella]	Ekuiti	Pertumbuhan dan Pendapatan

1.2 OBJEKTIF PELABURAN TABUNG

Objektif pelaburan ASN Equity 3 adalah untuk menyediakan peluang pelaburan yang menjana pertumbuhan dan pulangan jangka panjang yang berpatutan bagi memenuhi sebahagian atau kesemua keperluan kecairan segera untuk membolehkan pemegang-pemegang unit menampung keperluan perbelanjaan kesihatan secara berterusan bagi diri mereka dan/atau anak-anak dan/atau individu dibawah jagaan mereka.

1.3 TAHUN KEWANGAN BERAKHIR

31 Mac.

1.4 PENANDA ARAS TABUNG

ASN Equity 3 menggunakan penanda aras cipta-suai yang menggabungkan Indeks FTSE Bursa Malaysia 100 (FBM 100) dan Kadar Deposit Tetap Maybank 12 bulan (Maybank 12 bulan) bagi tujuan perbandingan prestasinya, seperti berikut:

Kombinasi Penanda Aras Cipta-Suai	%
FBM 100 <i>Sumber: www.bursamalaysia.com.my</i>	80
Maybank 12 bulan <i>Sumber: www.maybank2u.com.my</i>	20

1.5 POLISI PENGAGIHAN PENDAPATAN

ASN Equity 3 akan mengagihkan perolehan daripada pendapatannya, jika ada, tertakluk kepada budi bicara pihak pengurusan dan kelulusan daripada pemegang amanah.

2. PRESTASI TABUNG

2.1 PERUMPUKAN ASET

Perumpukan Aset Bagi ASN Equity 3 Mengikut Sektor pada Nilai Pasaran Berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) Tabung:

Sektor	Pada 30.09.2025 (%)	Pada Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac (%)		
		2025	2024	2023
Pelaburan di Pasaran Ekuiti:				
Perkhidmatan Komunikasi	4.52	5.51	7.31	5.90
Barangan Bukan Asasi Pengguna	1.28	2.19	0.38	2.35
Barangan Asasi Pengguna	3.44	0.07	4.16	6.50
Tenaga	1.69	0.78	1.27	2.80
Kewangan	29.28	27.37	27.39	31.69
Penjagaan Kesihatan	7.86	8.73	1.20	3.22
Perindustrian	14.24	10.11	11.27	10.66
Teknologi Maklumat	5.62	3.83	9.64	6.24
Bahan Asas	1.28	1.73	3.58	6.52
Hartanah	8.24	8.71	5.37	4.62
Utiliti	10.15	9.32	13.44	5.70
Jumlah	87.60	78.35	85.01	86.20
Lain-lain Pelaburan di Pasaran Modal:				
a) Unit Amanah & Dana Didagangkan Bursa (ETF)	2.26	1.68	0.75	1.05
b) Sekuriti Berpendapatan Tetap	1.45	3.03	5.27	7.30
c) Lain-lain Pelaburan dan Aset Bersih	8.69	16.94	8.97	5.45
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00

2.2 MAKLUMAT KEWANGAN

Prestasi Maklumat Kewangan:

	Tempoh Enam Bulan Berakhir 30.09.2025	Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac		
		2025	2024	2023
Sebelum Pengagihan Pendapatan				
NAB (RM'000)	1,386,939	1,457,341	1,446,462	1,601,612
NAB Seunit (RM)	1.0279	0.9721	0.9707	0.8228
Selepas Pengagihan Pendapatan				
Kadar Pengagihan Pendapatan (sen seunit)	-	2.43	2.63	2.01
NAB (RM'000)	1,386,939	1,420,862	1,407,273	1,562,485
NAB Seunit (RM)	1.0279	0.9477	0.9444	0.8027
NAB Seunit Terendah (RM)	0.8799	0.9114	0.7883	0.7738
NAB Seunit Tertinggi (RM)	1.0650	1.0758	0.9657	0.8681
Unit Dalam Edaran ('000)	1,349,300	1,499,200	1,490,100	1,946,600
Tarikh Pengagihan Pendapatan	-	2 April 2025	2 April 2024	1 April 2023
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%) ¹	0.65	1.30	1.26	1.22
Nisbah Pusing Ganti Portfolio (kali) ²	0.64	0.97	0.58	0.50
Pulangan				
Pulangan Pendapatan (%) ³	-	2.56	2.78	2.50
Pulangan Modal (%) ⁴	8.45	0.36	17.65	-6.93
Jumlah Pulangan (%) ⁵	8.45	2.93	20.93	-4.60

Nota:

1. Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan ASN Equity 3 yang dikembalikan dengan purata NAB pada kos ASN Equity 3 untuk tempoh kewangan dikira berpandukan asas harian.
2. Nisbah Pusing Ganti Portfolio (NPGP) adalah nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tempoh kewangan dengan purata NAB pada kos ASN Equity 3 untuk tempoh kewangan dikira berpandukan asas harian.
3. Pulangan Pendapatan (%): $\left[\frac{\text{Pengagihan Pendapatan Seunit}}{\text{NAB Seunit Selepas Pengagihan Pendapatan}} \right] \times 100$
4. Pulangan Modal (%): $\left[\left(\frac{\text{NAB Seunit Selepas Pengagihan Pendapatan}}{\text{NAB Seunit Awal Tahun Kewangan}} \right) - 1 \right] \times 100$
5. Jumlah Pulangan (%): $\left[\left(1 + \frac{\text{Pulangan Modal}}{100} \right) \times \left(1 + \frac{\text{Pulangan Pendapatan}}{100} \right) - 1 \right] \times 100$

2.3 PENGAGIHAN PENDAPATAN

Bagi tempoh enam bulan berakhir 30 September 2025, ASN Equity 3 tidak mengisytiharkan sebarang pengagihan pendapatan.

2.4 JUMLAH PULANGAN TAHUNAN

Pulangan tahunan bagi ASN Equity 3 adalah seperti berikut:

	30 September 2025		
	1 tahun	3 tahun	5 tahun
Pulangan Tahunan (%) ¹	3.55	12.46	6.77
Penanda Aras (%)	-1.41	5.74	2.10

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Nota:

1. Pengiraan pulangan tahunan adalah seperti berikut:-

$$= \left[\left[(1 + r_1) \times (1 + r_2) \times \dots \times (1 + r_n) \right]^{\frac{1}{n}} - 1 \right] \times 100$$

Di mana, r = pulangan tahunan; n = bilangan tahun.


2.5 PERBANDINGAN PRESTASI TABUNG DENGAN PENANDA ARAS

Prestasi bagi ASN Equity 3 berbanding penanda aras cipta-suai adalah seperti berikut:

	Tempoh Enam Bulan Berakhir 30.09.2025	Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac				
		2025	2024	2023	2022	2021
Jumlah Pulangan (%)	8.45	2.93	20.93	-4.60	-0.34	18.32
Penanda Aras (%)	4.76	-0.22	9.28	-6.36	-1.06	18.73

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Prestasi ASN Equity 3 adalah lebih baik berbanding penanda aras bagi tempoh enam bulan berakhir 30 September 2025. Prestasi ini disokong oleh pelaburan yang tinggi dalam beberapa sektor utama, iaitu sektor Pembinaan, sektor Teknologi Maklumat dan sektor Utiliti yang telah memberi pulangan yang positif dalam tempoh tinjauan. ASN Equity 3 turut melakukan aktiviti jual beli secara taktikal dalam pasaran antarabangsa yang menyumbang kepada prestasi positif.



Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan. Pengagihan pendapatan dan harga unit jika dibayar mungkin turun atau naik. Prestasi Tabung masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan.

2.6 ANALISIS NILAI ASET BERSIH (NAB) TABUNG

ASN Equity 3 telah mencatatkan penurunan NAB sebanyak 2.39% daripada RM1.4209 bilion kepada RM1.3869 bilion bagi tempoh enam bulan berakhir 30 September 2025. NAB seunit pula mencatatkan peningkatan sebanyak 8.45% daripada RM0.9478 kepada RM1.0279 bagi tempoh yang sama.

2.7 PERUBAHAN SIGNIFIKAN TABUNG

Tiada perubahan signifikan sepanjang tempoh kewangan berakhir 30 September 2025.

2.8 SITUASI YANG MENJEJASKAN KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT

ASN dan ASN Equity 3 tidak mengalami situasi-situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit.

2.9 DAGANGAN SILANG

Sepanjang dalam tempoh tinjauan, transaksi dagangan silang dijalankan bagi ASN Equity 3. Transaksi tersebut dijalankan tertakluk kepada Garis Panduan bagi Fungsi Pematuhan kepada Institusi Pengurusan Dana "Guidelines on Compliance Function for Fund Management Companies". Pengurus Pelaburan perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Pelaburan sebelum melakukan transaksi dagangan silang dan menyimpan rekod transaksi serta memaklumkan Jawatankuasa Pelaburan selepas pelaksanaan transaksi tersebut.

2.10 KOMISEN RINGAN

ASN dan Pengurus Pelaburan tabung unit amanahnya tidak menerima komisen ringan daripada broker dan/atau wakil urusniaga yang dikendalikan untuk unit amanah.

3. LAPORAN PENGURUS

3.1 POLISI PELABURAN

Polisi pelaburan ASN Equity 3 ("Tabung") adalah untuk melabur di dalam portfolio yang dipelbagaikan, terutamanya sekuriti yang disenaraikan di Bursa Malaysia, sekuriti yang tidak disenaraikan, instrumen berpendapatan tetap dan instrumen pasaran wang, seperti yang dibenarkan dalam Surat Ikatan Tabung.

Tabung boleh melaburkan 70% sehingga 90% daripada Nilai Aset Bersih ("NAB") dalam ekuiti dan bakinya dalam lain-lain instrumen pasaran modal. Walau bagaimanapun, Tabung boleh mengambil strategi defensif mengikut kesesuaian pasaran.

3.2 STRATEGI PELABURAN SEPANJANG TEMPOH KEWANGAN

Bagi tempoh enam bulan berakhir 30 September 2025, strategi pelaburan Tabung telah dilaksanakan dengan mengambil kira faktor-faktor persekitaran ekonomi domestik dan ekonomi global, tahap kemampunan kadar pulangan pasaran saham, serta pulangan daripada sekuriti berpendapatan tetap. Sepanjang tempoh tinjauan, pasaran saham dunia telah dipengaruhi oleh permulaan kitaran penurunan kadar faedah dasar oleh bank-bank pusat antarabangsa, ketegangan geopolitik yang berterusan terutamanya di Asia Tengah, pakej rangsangan ekonomi oleh kerajaan China bagi menggalakkan ekonomi tempatan serta pengumuman polisi tarif perdagangan timbal balas Amerika Syarikat terhadap negara rakan dagangan di seluruh dunia pada bulan April 2025. Walau bagaimanapun, tema Kecerdasan Buatan ("Artificial Intelligence, AI") terus memberikan kesan positif yang ketara kepada pasaran saham global sepanjang tempoh tinjauan.

Di peringkat domestik, pengumuman projek-projek berimpak tinggi oleh kerajaan Malaysia serta peningkatan pelaburan asing dalam pembangunan pusat data tempatan telah menyokong prestasi pasaran saham. Sehubungan dengan itu, strategi pelaburan Tabung kekal fokus kepada perumpukan aset yang optimal antara ekuiti domestik dan ekuiti antarabangsa, sekuriti berpendapatan tetap, serta instrumen pasaran wang untuk memastikan objektif Tabung tercapai. Sepanjang tempoh tinjauan, purata perumpukan aset Tabung adalah lebih tertumpu kepada ekuiti iaitu pada kadar purata 85% ekuiti: 15% sekuriti berpendapatan tetap dan tunai, berbanding penanda aras 80% ekuiti: 20% tunai.

i. Ekuiti

Pelaburan Tabung dalam ekuiti dilaksanakan secara selektif, dengan tumpuan kepada sektor-sektor dan syarikat-syarikat yang memiliki asas yang kukuh, prospek perniagaan yang stabil, serta berdaya tahan terhadap ketidaktentuan ekonomi dan pasaran saham, baik di peringkat domestik mahupun di peringkat antarabangsa. Di samping itu, pelaburan ekuiti turut tertumpu kepada saham-saham yang menawarkan pulangan dividen yang kompetitif dan konsisten, serta sektor-sektor yang dijangka mencatat pertumbuhan positif dalam jangka masa panjang. Pada masa yang sama, Tabung terus menjana keuntungan daripada saham-saham yang telah mencapai harga sasaran, terutamanya dalam suasana pasaran saham domestik dan saham antarabangsa yang menunjukkan kadar kemeruaupan yang tinggi.

a. Domestik

Pelaburan Tabung tertumpu kepada sektor-sektor yang mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi negara yang berterusan. Antara sektor utama yang menjadi tumpuan adalah sektor Pembinaan dan sektor Hartanah, iaitu sektor-sektor yang mendapat manfaat daripada pencergasan semula ekonomi di Johor, yang dipacu oleh pembinaan pusat data, serta peningkatan permintaan tenaga dan elektrik untuk menyokong infrastruktur tersebut. Pelaburan ini turut disokong oleh kesan positif daripada inisiatif kerajaan seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 ("New Industrial Master Plan 2030, NIMP 2030").

Selain itu, tumpuan diberikan kepada sektor Utiliti yang terus menjadi perhatian selari dengan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara ("National Energy Transition Roadmap, NETR"), yang menawarkan peluang pelaburan bernilai RM25 bilion, merangkumi projek Tenaga Boleh Baharu ("TBB") seperti solar dan hidrogen.

Di samping itu, Tabung turut memiliki pegangan saham dalam sektor Teknologi Maklumat, terutamanya dalam syarikat-syarikat yang mempunyai model perniagaan yang kukuh dan produk berteknologi tinggi, seperti alat pembuatan dan pemprosesan semikonduktor.

Dalam ketidaktentuan ekonomi dan pasaran saham sepanjang tempoh tinjauan, Tabung juga turut melabur dalam sektor-sektor defensif seperti sektor Penjagaan Kesihatan, sektor Barangan Asasi Pengguna dan sektor Amanah Pelaburan Hartanah ("Real Estate Investment Trusts, REITs"), kerana sektor-sektor ini menawarkan kestabilan dalam persekitaran pasaran yang tidak menentu.

b. Antarabangsa

Bagi memastikan pulangan yang kompetitif, Tabung telah melabur dalam pasaran ekuiti antarabangsa yang dipelbagaikan ke beberapa pasaran utama dunia seperti pasaran saham di Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah ("European Union, EU") dan juga Asia Pasifik. Portfolio pelaburan antarabangsa Tabung telah tertumpu di dalam sektor Teknologi Maklumat terutamanya dalam syarikat-syarikat berkaitan AI dan semikonduktor di Amerika Syarikat dan Asia Pasifik, serta sektor Pembinaan dan sektor Bahan Asas di Jerman berikutan kelulusan pelan fiskal berskala besar pada persidangan belanjawan jangka sederhana oleh kerajaan negara Jerman.

Di kemuncak ketidaktentuan polisi tarif perdagangan timbal balas oleh Amerika Syarikat terhadap dunia, pelaburan Tabung bertukar defensif dan ditumpukan di dalam sektor aset defensif seperti Dana Didagangkan Bursa ("Exchange Traded Fund, ETF") emas serta sektor Penjagaan Kesihatan, terutamanya segmen-segmen farmaseutikal dan teknologi perubatan, bagi mengimbangi risiko portfolio pelaburan Tabung.

ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Pasaran Wang

Sepanjang tempoh enam bulan berakhir 30 September 2025, Tabung telah mengekalkan pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap. Pelaburan Tabung dalam sekuriti berpendapatan tetap adalah tertumpu kepada bon terbitan korporat yang menjana kupon yang lebih tinggi berbanding bon terbitan kerajaan Malaysia. Pelaburan ini tertumpu dalam sektor Infrastruktur, dengan purata kadar kupon sebanyak 5.87%, dengan tempoh matang portfolio selama 2.31 tahun dan purata penarafan kredit adalah "A1".

Pelaburan Tabung juga dibuat dalam pasaran wang bagi membolehkan Tabung memiliki kecairan yang mencukupi bagi memasuki pasaran saham tempatan dan saham antarabangsa pada masa yang bersesuaian seiring dengan perumpukan aset aktif.

3.3 ULASAN EKONOMI DAN PASARAN SAHAM

Bagi tempoh enam bulan berakhir 30 September 2025, Tabung berdepan dengan permulaan yang mencabar susulan kejutan makroekonomi, termasuk pengumuman polisi tarif perdagangan timbal balas oleh Amerika Syarikat terhadap negara rakan dagangan di seluruh dunia, ketegangan perang dagangan yang semakin meruncing antara Amerika Syarikat dan China, konflik geopolitik yang berpanjangan di Palestin, serta eskalasi peperangan antara Iran dan Israel. Pertumbuhan ekonomi dunia turut mengalami kelembapan ekoran kejutan-kejutan makroekonomi yang berlaku di sepanjang tempoh tinjauan.

Namun begitu, perkembangan positif perjanjian perdagangan antara negara-negara yang berkenaan dan Amerika Syarikat telah membantu dalam memulihkan sentimen pelabur dan prestasi pasaran saham utama. Selain itu, prestasi pasaran saham turut didorong oleh pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat yang kekal mampan, serta sentimen positif dalam sektor Teknologi Maklumat terutamanya teknologi AI yang terus menarik perhatian pelabur dan mencatatkan pertumbuhan positif.

Bagi tempoh enam bulan berakhir 30 September 2025, pasaran saham antarabangsa mempamerkan prestasi yang teguh, dengan indeks komposit utama antarabangsa, MSCI All Country World Islamic Index ("MSCI ACWI") mencatatkan peningkatan sebanyak +19.3%. Indeks komposit pasaran saham di Amerika Syarikat menjadi peneraju utama apabila S&P 500 mencatatkan kenaikan sebanyak +19.2%, diikuti oleh NASDAQ yang melonjak sebanyak +31.0%. Prestasi cemerlang ini didorong oleh prospek pengukuhan ekonomi di Amerika Syarikat dan perkembangan pesat dalam industri AI yang lebih ketara di Amerika Syarikat. Pasaran saham di negara-negara membangun turut mencatatkan prestasi yang teguh apabila pasaran saham di China ditutup pada kadar tinggi (HSCEI, +12.2%), dipacu oleh perkembangan sektor berkaitan AI di China dan sektor Barangan Bukan Asasi Pengguna, yang mendapat manfaat daripada pengumuman rangsangan ekonomi beransur oleh kerajaan pusat China.

Pasaran saham di Korea ("KOSPI") mencatatkan prestasi yang paling cemerlang dalam tempoh tinjauan dengan kenaikan sebanyak +38.0%. Lonjakan ketara sebanyak +13.9% direkodkan pada bulan Jun 2025, dipengaruhi oleh hasil pilihan raya presiden yang menyokong keyakinan pasaran dan pelaksanaan reformasi tadbir urus korporat melalui kempen "Value-Up Program". Taiwan turut mencatatkan prestasi cemerlang dengan pasaran TAIEX meningkat +24.8%, hasil aliran masuk modal pelabur ke pasaran defensif dan stabil serta sentimen positif terhadap pelaburan AI.

Pasaran saham di rantau ASEAN turut mencatatkan pulangan yang positif, dengan pasaran Indonesia ("JCI") meningkat +23.8% dan pasaran Thailand ("SET") naik sebanyak +10.0%, disokong oleh kelemahan USD yang merangsang aliran modal ke pasaran negara membangun. Pasaran saham di Singapura pula mencatatkan pulangan positif (STI, +8.3%), dipacu oleh prestasi kukuh sektor Kewangan yang mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi Singapura yang semakin baik.

Bagi pasaran saham tempatan, penanda aras utama iaitu FTSE Bursa Malaysia Kuala Lumpur Composite Index ("FBM KLCI") mencatatkan kadar kenaikan sebanyak +6.5%, daripada paras

1,513.65 mata pada 31 Mac 2025 kepada paras 1,611.88 mata pada 30 September 2025. Sepanjang tempoh enam bulan berakhir 30 September 2025, FBM KLCI mencatatkan paras tertinggi pada 30 September 2025 dengan 1,611.88 mata, manakala paras terendah direkodkan pada 9 April 2025 dengan 1,400.59 mata. Peningkatan paras indeks disebabkan oleh penurunan kadar tarif perdagangan timbal balas oleh Amerika Syarikat kepada eksport Malaysia dari 25% kepada 19% pada bulan Ogos 2025. Antara sektor-sektor yang menyumbang kepada prestasi positif pasaran Malaysia adalah sektor Pembinaan (+25.0%), sektor Teknologi Maklumat (+14.7%) dan sektor Utiliti (+14.0%). Ekonomi domestik juga dijangka kekal mampan hasil daripada pelbagai inisiatif yang diumumkan oleh kerajaan Malaysia seperti NIMP 2030, projek High Speed Rail ("HSR"), NETR, serta Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura. Pengukuhan Ringgit Malaysia juga mampu menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

Antara saham-saham FBM KLCI yang telah mencatatkan peningkatan ketara dalam tempoh tinjauan adalah Axiata (+49.7%), YTL Corp (+39.0%) dan 99 Speed Mart (+34.3%). Manakala saham-saham yang mencatatkan prestasi negatif dalam tempoh tinjauan adalah PPB Group (-11.3%), QL Resources (-7.1%) dan RHB Bank (-3.5%).

Keluaran Dalam Negara Kasar ("KDNK") Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 4.4% pada suku kedua tahun 2025 (suku pertama tahun 2025: 4.4%). Secara keseluruhan, KDNK telah merekodkan pertumbuhan yang kukuh bagi separuh pertama tahun 2025 iaitu sebanyak 4.4% (2024: 5.1%), selari dengan unjuran yang dibuat oleh Kementerian Kewangan Malaysia antara julat 4.0%-5.0%. Pertumbuhan yang memberangsangkan ini telah dipacu oleh pelaburan yang kukuh serta peningkatan berterusan dalam eksport. Ia juga turut didorong oleh peningkatan perbelanjaan isi rumah, pemulihan eksport barangan dan perkhidmatan, serta aktiviti pelaburan swasta yang lebih giat.

3.4 ULASAN PASARAN WANG, SEKURITI BERPENDAPATAN TETAP DAN KADAR KEUNTUNGAN

Sepanjang tempoh enam bulan berakhir 30 September 2025, pasaran sekuriti berpendapatan tetap global berdepan persekitaran yang kompleks, dipengaruhi oleh perubahan dalam dasar monetari oleh bank-bank pusat utama dunia, ketidaktentuan kadar inflasi, serta trajektori pertumbuhan ekonomi yang tidak sekata merentasi rantau-rantau utama. Selepas fasa kenaikan kadar faedah yang agresif pasca pandemik COVID-19, beberapa bank pusat utama mula memberi isyarat pelonggaran dasar monetari, dengan sebahagiannya melaksanakan pemotongan kadar faedah asas bermula penggal kedua tahun 2024. Langkah ini mencerminkan keyakinan bahawa tekanan inflasi semakin berkurangan, meskipun pertumbuhan ekonomi global kekal sederhana. Walau bagaimanapun, sentimen pasaran masih dipengaruhi oleh data ekonomi yang bercampur-campur, termasuk perkembangan pasaran buruh Amerika Syarikat, ketegangan geopolitik di Timur Tengah, serta ketidaktentuan terhadap perdagangan global.

Sehubungan dengan itu, kadar hasil bon penanda aras kerajaan utama dunia menunjukkan prestasi yang menurun, termasuk Bon Perbendaharaan 10-tahun Amerika Syarikat ("10-year US Treasury") yang ditutup pada paras 4.15% pada akhir bulan September 2025, sedikit rendah berbanding paras 4.17% yang dicatatkan pada awal bulan April 2025, berikutan jangkakan pelonggaran dasar monetari oleh Lembaga Rizab Persekutuan Amerika Syarikat ("Federal Reserve Board"). Penurunan hasil ini turut mendorong peningkatan minat pelabur terhadap

pasaran baru muncul ("Emerging Markets"), apabila pelabur mencari pulangan yang lebih menarik dalam persekitaran kadar faedah yang lebih rendah, walaupun risiko geopolitik dan ketidakpastian ekonomi global kekal menjadi cabaran utama.

Di peringkat domestik, pasaran sekuriti berpendapatan tetap Malaysia kekal stabil sepanjang tempoh tinjauan, disokong oleh dasar monetari Bank Negara Malaysia ("BNM") serta asas ekonomi yang kukuh. Kadar inflasi pula kekal dalam julat sederhana, iaitu sekitar 1.6%-2.0%, walaupun terdapat jangkaan peningkatan sederhana pada masa hadapan berikutan pelaksanaan rasionalisasi subsidi. Selain daripada pemotongan Kadar Dasar Semalaman ("Overnight Policy Rate, OPR") oleh BNM sebanyak 25 mata asas kepada 2.75% pada bulan Julai 2025, permintaan kukuh daripada institusi kewangan tempatan serta aliran masuk asing turut menyokong prestasi pasaran bon domestik, dengan kadar hasil sekuriti hutang kerajaan Malaysia ("Malaysian Government Securities, MGS") 10-tahun mencatatkan penurunan kepada paras 3.49% pada akhir bulan September 2025, berbanding 3.76% pada awal bulan April 2025.

Dari sudut mata wang, Ringgit Malaysia mencatatkan pengukuhan yang ketara berbanding mata wang USD, sejajar dengan jangkaan pelonggaran dasar monetari oleh Federal Reserve Board. Ringgit Malaysia diniagakan sekitar RM4.21/USD menjelang akhir bulan September 2025, meningkat ketara daripada paras terendah RM4.45/USD pada awal bulan April 2025. Pengukuhan ini turut disokong oleh aliran masuk pelaburan langsung asing, peningkatan keyakinan terhadap prospek fiskal negara, serta sokongan daripada kedudukan akaun semasa yang terus mencatat lebihan.

3.5 STRATEGI PELABURAN PADA MASA HADAPAN

Pengurus Pelaburan menjangkakan pasaran modal domestik dan global akan kekal mencabar, dipengaruhi oleh pertumbuhan ekonomi global yang dijangka kekal sederhana, serta pelaksanaan tarif perdagangan timbal balas oleh Amerika Syarikat yang berkuat kuasa pada separuh kedua tahun 2025. Tabung Kewangan Antarabangsa ("International Monetary Fund, IMF"), mengunjurkan pertumbuhan ekonomi dunia pada kadar 3.0% untuk tahun 2025, dengan sedikit peningkatan kepada kadar 3.1% untuk tahun 2026, bergantung kepada dasar monetari dan reaksi pasaran terhadap tarif perdagangan timbal balas oleh Amerika Syarikat.

Di samping itu, pertumbuhan ekonomi global yang dijangka berada di bawah kadar purata sebelum pandemik (3.8%) turut didorong oleh kesan kadar faedah yang tinggi di Amerika Syarikat dan EU. Walau bagaimanapun, penurunan kadar faedah oleh Federal Reserve Board, Bank Pusat England ("Bank of England") dan Bank Pusat Eropah ("European Central Bank") yang dijangka berlaku pada akhir tahun 2025 atau awal tahun 2026, dijangka akan memberi sokongan kepada pertumbuhan ekonomi global. Ketidakpastian terhadap arah tuju dasar perdagangan Amerika Syarikat juga dijangka akan mempengaruhi tahap kestabilan ekonomi dunia.

Selain itu, ketegangan geopolitik, termasuk persaingan dagangan dan teknologi antara Amerika Syarikat dan China, konflik di Timur Tengah yang melibatkan Israel dan Palestin, serta gangguan rantaian bekalan global ekoran dasar tarif perdagangan timbal balas oleh Amerika Syarikat, dijangka akan terus meningkatkan kadar kemeruapan pasaran. Pemulihan ekonomi di China yang tidak seimbang turut menjejaskan keyakinan pelabur terhadap pasaran modal.

Di peringkat domestik, nilai Ringgit Malaysia dijangka akan menunjukkan pengukuhan berperingkat, hasil gabungan faktor luaran iaitu dasar monetari global, aliran keluar USD dan

pendekatan pengurangan kebergantungan terhadap USD ("De-dollarisation") dan faktor dalaman iaitu dasar monetari polisi yang stabil dan lebih akaun semasa serta eksport komoditi. Di samping itu, pelaksanaan subsidi bersasar, yang dijangka mendorong kepada kadar inflasi melebihi 3%, menjelang separuh kedua tahun 2025, akan memberikan impak kepada kos sara hidup dan kuasa beli pengguna. Walau bagaimanapun, kenaikan gaji penjawat awam serta peningkatan gaji minimum dijangka dapat membantu mengurangkan impak negatif terhadap kuasa beli pengguna. Pelaburan asing dalam pusat data dan projek TBB dijangka boleh bertindak sebagai penampungan kepada ketidakstabilan ekonomi, disokong oleh inisiatif kerajaan melalui projek-projek seperti NETR dan NIMP 2030.

Sehubungan dengan itu, strategi pelaburan Tabung akan mengambil pendekatan berhemat dan proaktif dengan memantau perkembangan ekonomi, serta pasaran secara rapi, melaraskan strategi pelaburan untuk memastikan pulangan kompetitif disamping mengimbangi tahap risiko.

Kepelbagaian aset merangkumi ekuiti domestik dan ekuiti antarabangsa, sekuriti berpendapatan tetap, dan pasaran wang akan menjadi fokus utama. Dalam persekitaran pasaran yang tidak menentu, posisi taktikal juga akan diambil untuk menjana keuntungan daripada turun naik pasaran ekuiti, dengan pegangan kukuh dalam aset berisiko rendah seperti sekuriti berpendapatan tetap dan pasaran wang sebagai perlindungan dalam keadaan pasaran saham yang tidak menentu.

i. Ekuiti

a. Domestik

Strategi pelaburan ekuiti domestik Tabung akan tertumpu kepada sektor-sektor yang berdaya saing dengan asas perniagaan yang kukuh dan potensi pulangan dividen yang stabil, sambil memanfaatkan inisiatif kerajaan serta pelaburan asing, di sebalik ketidak-tentuan tekanan tarif perdagangan timbal balas yang dikenakan oleh Amerika Syarikat. Pelaburan akan dilakukan secara selektif untuk memastikan daya tahan portfolio dalam persekitaran ekonomi yang mencabar.

Tabung akan memberi perhatian khusus kepada sektor Pembinaan, yang dijangka akan dipacu oleh kemajuan projek infrastruktur seperti Mass Rapid Transit ("MRT") 3 dan Light Rapid Transit ("LRT") Bayan Lepas yang diumumkan pada awal bulan Januari 2025, serta pelbagai projek infrastruktur lain, terutamanya di Johor, Negeri Sembilan dan Sarawak yang akan turut menyumbang kepada peningkatan aktiviti ekonomi tempatan. Sektor ini juga dijangka mendapat manfaat daripada pembangunan pusat-pusat data di Malaysia yang dipacu oleh syarikat-syarikat gergasi dunia seperti Google, Microsoft dan Amazon Web Services.

Selain itu, pelaburan akan diteruskan dalam sektor Tenaga dan sektor Utiliti, sejajar dengan pelaksanaan NETR, NIMP 2030, dan Pelan Hala Tuju Teknologi dan Ekonomi Hidrogen ("Hydrogen Economy and Technology Roadmap, HETR"). Permintaan elektrik yang semakin meningkat, terutamanya daripada pusat data di Johor dan Selangor, turut menyokong prospek sektor ini, diperkukuh oleh pelaburan asing dalam infrastruktur digital.

Sektor Teknologi Maklumat, khususnya industri semikonduktor, menawarkan peluang taktikal kerana Malaysia mendapat manfaat daripada pemindahan rantaian bekalan global akibat tarif perdagangan timbal balas oleh Amerika Syarikat ke atas China, walaupun kos pengeluaran yang lebih tinggi mungkin menjejaskan kadar keuntungan.

Sektor Kewangan dijangka terus berdaya saing dengan pulangan dividen yang kompetitif, disokong oleh permintaan domestik dan pelaburan asing. Namun begitu, inflasi boleh menghadkan pertumbuhan sektor ini. Sektor REITs, sektor Barangan Asasi Pengguna dan sektor Penjagaan Kesihatan akan menjadi pelaburan defensif, kerana menawarkan kestabilan dalam persekitaran pasaran yang tidak menentu.

b. Antarabangsa

Pelaburan antarabangsa akan dilakukan secara selektif, setelah membuat pertimbangan mengenai perkembangan makroekonomi dunia, risiko geopolitik dan aliran dagangan sedunia. Pelaburan antarabangsa akan ditumpukan kepada sektor-sektor yang mempunyai prospek perniagaan yang cerah dan kadar pertumbuhan pendapatan yang baik serta sektor-sektor yang kurang terkesan oleh perang dagangan. Tabung akan terus melabur secara taktikal dalam sektor Teknologi Maklumat di Amerika Syarikat, Korea, Taiwan dan China, berikutan permintaan produk-produk semikonduktor yang masih berkembang.

Selain itu, Tabung juga akan melabur dalam sektor-sektor dan syarikat-syarikat yang bersifat defensif seperti sektor Telekomunikasi, sektor Penjagaan Kesihatan dan sektor Barangan Asasi Pengguna, disokong oleh keperluan asasi penduduk dunia tanpa mengira keadaan ekonomi semasa.

ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Pasaran Wang

Pengurus Pelaburan akan mengekalkan pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap bagi memperoleh kadar pendapatan kupon yang stabil di samping dapat mengurangkan risiko portfolio dan menstabilkan NAB Tabung. Bagi jangka masa panjang, pelaburan akan tertumpu pada bon korporat dalam pasaran domestik yang menjana kupon yang lebih tinggi berbanding penanda aras, dengan menyasarkan syarikat-syarikat yang mempunyai asas kewangan yang kukuh dan stabil dalam usaha memberikan pendapatan yang kompetitif kepada Tabung.

Di samping itu, pelaburan di pasaran wang akan dikekalkan bagi memastikan kecairan yang mencukupi untuk memasuki pasaran saham tempatan dan saham antarabangsa pada masa yang bersesuaian. Untuk keperluan kecairan, pelaburan pasaran wang akan diletakkan dalam deposit jangka pendek. Pengurus Pelaburan juga mungkin mengambil posisi defensif dengan meningkatkan pelaburan dalam pasaran wang jika berlaku perubahan negatif yang ketara kepada ekonomi dan juga pasaran modal.

4. PENYATA PENGURUS

Kepada Pemegang-pemegang Unit

ASN EQUITY 3

Kami, sebagai Pengarah kepada AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, iaitu Pengurus kepada ASN EQUITY 3 ("Unit Amanah"), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Unit Amanah bagi tempoh enam bulan berakhir 30 September 2025, berserta dengan nota-nota yang dilampirkan padanya telah disediakan dengan wajar mengikut Piawaian Laporan Kewangan MFRS 134 : Interim Financial Reporting di Malaysia, bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 30 September 2025, dan prestasi kewangannya, serta aliran tunai bagi tempoh enam bulan berakhir pada tarikh tersebut.

Titandatangan bagi pihak AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD selaku Pengurus kepada Unit Amanah, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 22 Oktober 2025.

**RAJA TAN SRI DATO' SERI ARSHAD BIN
RAJA TUN UDA**
Pengurus

DATO' ABDUL RAHMAN BIN AHMAD
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia
22 Oktober 2025

5. LAPORAN PEMEGANG AMANAH

Kepada Pemegang-pemegang Unit **ASN EQUITY 3** ("Tabung")

Kami telah bertindak selaku Pemegang Amanah Tabung bagi tempoh enam bulan berakhir 30 September 2025, dan kami dengan ini mengesahkan bahawa pada pengetahuan kami, setelah melakukan segala pertanyaan yang munasabah, AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD telah melaksana dan mengurus Tabung dalam tempoh penyata kewangan selaras dengan perkara berikut:

1. Had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada syarikat pengurusan mengikut Surat Ikatan, undang-undang sekuriti dan Garis Panduan Dana Unit Amanah;
2. Penilaian dan penentuan harga dibuat selaras dengan Surat Ikatan; dan
3. Sebarang penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Surat Ikatan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan.

Untuk **AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD**

ZAINUDIN BIN SUHAIMI

Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia
22 Oktober 2025

6. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASN EQUITY 3

Laporan Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan ASN UMBRELLA - ASN EQUITY 3 ("Unit Amanah"), yang mengandungi penyata kedudukan kewangan pada 30 September 2025, penyata untung atau rugi, penyata pendapatan komprehensif, dan penyata aliran tunai bagi tempoh enam bulan berakhir pada tarikh tersebut, dan rumusan dasar-dasar perakaunan dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan pada muka surat 18 sehingga 46.

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan MFRS 134 : Interim Financial Reporting ("MFRS 134") bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 30 September 2025 dan prestasi kewangannya serta aliran tunai bagi tempoh enam bulan berakhir pada tarikh tersebut.

Pendapat

Kami telah menjalankan audit kami menurut piawaian pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut diuraikan dengan lanjut dalam laporan kami di bawah seksyen "Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan". Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Tanggungjawab kebebasan dan lain-lain tanggungjawab etika

Kami bebas daripada Unit Amanah selaras dengan Undang-Undang Kecil (atas Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Kod Akauntan Etika Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa) ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi lain-lain tanggungjawab etika mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.

Maklumat selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya

Pengurus Unit Amanah adalah bertanggungjawab untuk lain-lain maklumat. Lain-lain maklumat tersebut merangkumi maklumat yang terkandung dalam Laporan Tahunan Unit Amanah tetapi tidak termasuk penyata kewangan dan laporan juruaudit yang dilampirkan.

Laporan setengah tahunan ini dijangka tersedia kepada kami selepas tarikh laporan juruaudit ini.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan tidak meliputi lain-lain maklumat dan kami tidak akan menyatakan sebarang bentuk jaminan ke atas kesimpulan mengenainya.

Sehubungan dengan audit kami terhadap penyata kewangan, tanggungjawab kami adalah untuk mempertimbangkan samada lain-lain maklumat tersebut secara materialnya tidak selaras dengan penyata kewangan atau pengetahuan diperolehi dari audit, atau sebaliknya menunjukkan kesilapan material yang ketara dengan membaca lain-lain maklumat yang dikenal pasti di atas apabila ia tersedia.

Apabila kami membaca laporan tahunan, sekiranya kami mendapati terdapat salah nyata yang ketara di dalamnya, kami perlu menyampaikan perkara itu kepada yang berkaitan dengan tadbir urus dan melaporkan fakta-fakta tersebut mengikut kesesuaian.

Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah terhadap Penyata Kewangan

Pengurus bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan Amanah yang memberi gambaran yang benar dan saksama menurut MFRS 134. Pengurus juga bertanggungjawab untuk kawalan

dalam yang ditentukan oleh Pengurus untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Amanah yang bebas daripada salah sangkaan material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Unit Amanah, Pengurus adalah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Unit Amanah untuk meneruskan sebagai usaha berterusan, menyatakan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan jika para Pengarah berhasrat untuk membubarkan Unit Amanah atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain berbuat demikian.

Pemegang Amanah bertanggungjawab untuk mengawasi proses pelaporan kewangan Amanah. Pemegang Amanah juga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Pengurus menyimpan perakaunan yang betul dan rekod lain yang diperlukan untuk membolehkan penyampaian penyata kewangan ini benar dan saksama.

Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Unit Amanah secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau dalam agregat, salah nyata ini dijangkakan akan mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menjalankan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional semasa menjalankan audit. Kami juga:

- Mengetahui dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Unit Amanah, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, reka bentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada salah nyata akibat kesilapan memandangkan penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Unit Amanah.
- Menilai kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan berkaitan pendedahan yang dibuat oleh Pengurus.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian Pengurus menggunakan asas perakaunan usaha berterusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujud ketidakpastian yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh membuang keraguan ketara pada keupayaan Unit Amanah untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa wujud ketidakpastian, kami dikehendaki untuk menyatakannya dalam laporan juruaudit kami kepada

pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Unit Amanah atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan yang akan berlaku pada masa akan datang boleh menyebabkan Unit Amanah untuk menghentikan terus usaha yang berterusan.

- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Unit Amanah, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan berdasarkan asas urus niaga asas dan peristiwa dalam cara yang mencapai pembentangan saksama.

Kami berkomunikasi dengan Pengurus mengenai, antara perkara-perkara lain, skop yang dirancang dan masa untuk audit dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa audit kami.

Perkara-perkara lain

Laporan ini dibuat semata-mata untuk pemegang Unit Amanah, sebagai sebuah badan, dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

Ernst & Young PLT

202006000003 (LLP0022760-LCA) & AF 0039
Akauntan Bertauliah

Dato' Megat Iskandar Shah Bin Mohamad Nor

No. 03083/07/2027 J
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia
22 Oktober 2025

7. PENYATA KEWANGAN

7.1 PENYATA UNTUNG ATAU RUGI

BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2025

	Nota	Tempoh enam bulan berakhir 30.9.2025 RM	Tempoh enam bulan berakhir 30.9.2024 RM
PENDAPATAN			
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan		3,523,037	4,279,541
Pendapatan dividen		17,385,600	22,572,283
Keuntungan ternyata daripada penjualan pelaburan (FVTPL)		10,221,079	15,158,979
Kerugian ternyata daripada kontrak hadapan tukaran asing		(34,500)	-
Keuntungan tidak ternyata daripada perubahan nilai saksama pelaburan (FVTPL)		38,737,476	8,254,212
Kerugian bersih kadar tukaran asing		(6,159,090)	(8,801,256)
		<u>63,673,602</u>	<u>41,463,759</u>
PERBELANJAAN			
Yuran pengurus	4	7,250,940	7,551,355
Yuran pemegang amanah	5	225,000	225,000
Imbuan juruaudit		7,500	12,400
Yuran ejen cukai		2,300	2,450
Perbelanjaan pentadbiran		1,924,461	1,968,367
		<u>9,410,201</u>	<u>9,759,572</u>
PENDAPATAN BERSIH SEBELUM CUKAI		54,263,401	31,704,187
CUKAI	6	-	-
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI		<u>54,263,401</u>	<u>31,704,187</u>
Pendapatan bersih selepas cukai terdiri daripada berikut:			
Ternyata		21,685,015	23,449,975
Tidak ternyata		32,578,386	8,254,212
		<u>54,263,401</u>	<u>31,704,187</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**7.2 PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2025**

Nota	Tempoh enam bulan berakhir 30.9.2025 RM	Tempoh enam bulan berakhir 30.9.2024 RM
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI	54,263,401	31,704,187
Lain-lain pendapatan komprehensif tidak dikelaskan semula kepada untung atau rugi dalam tempoh berikutnya		
Keuntungan bersih daripada perubahan nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif (FVTOCI)	59,545,468	82,844,492
JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TEMPOH SEMASA	113,808,869	114,548,679
Lain-lain pendapatan komprehensif terdiri daripada berikut:		
Ternyata	17,746,371	21,893,346
Tidak ternyata	96,062,498	92,655,333
	113,808,869	114,548,679

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

7.3 PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 30 SEPTEMBER 2025

	Nota	30.9.2025 RM	31.3.2025 RM
ASET			
Pelaburan pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif (FVTOCI)	7	791,797,856	856,480,106
Pelaburan pada nilai saksama melalui untung atau rugi (FVTPL)	8	475,139,431	323,788,680
Deposit dengan institusi kewangan	9	117,587,149	217,530,546
Tuntutan cukai		535,014	545,852
Pendapatan belum diterima	10	3,587,225	6,113,917
Jumlah terhutang daripada broker saham		3,452,607	6,032,580
Jumlah terhutang daripada PNB	11	6,157,200	1,162,700
Tunai di bank		36,439,506	73,274,872
JUMLAH ASET		1,434,695,988	1,484,929,253
LIABILITI			
Peruntukan pengagihan		-	36,479,160
Jumlah terhutang kepada broker saham		17,687,970	23,284,423
Jumlah terhutang kepada PNB	11	28,778,080	3,160,110
Jumlah terhutang kepada Pengurus		1,140,499	988,799
Pelbagai pemiutang		150,438	154,929
JUMLAH LIABILITI		47,756,987	64,067,421
NILAI ASET BERSIH UNIT AMANAH		1,386,939,001	1,420,861,832
EKUITI			
Modal pemegang unit	12	1,347,101,399	1,494,833,099
Rizab-rizab lain		39,837,602	(73,971,267)
JUMLAH EKUITI/ NILAI ASET BERSIH UNTUK PEMEGANG UNIT		1,386,939,001	1,420,861,832
UNIT DALAM EDARAN	12	1,349,300,000	1,499,200,000
NILAI ASET BERSIH SEUNIT		1.0279	0.9477

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**7.4 PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2025**

	Modal Pemegang Unit RM	Rizab-rizab lain		Jumlah Ekuiti RM
		Ternyata RM	Tak ternyata RM	
Pada 1 April 2024	1,491,961,219	70,116,753	(154,804,680)	1,407,273,292
Penjadian unit untuk jualan	404,951,381	-	-	404,951,381
Penjadian unit untuk pengagihan (31 Mac 2024)	8,646,820	-	-	8,646,820
Pembatalan unit	(375,552,140)	-	-	(375,552,140)
Pengimbangan pengagihan	17,959	-	-	17,959
Jumlah pendapatan komprehensif	-	23,449,975	91,098,704	114,548,679
Pindahan keuntungan ternyata ke pendapatan belum diagihkan	-	(1,556,629)	1,556,629	-
Pada 30 September 2024	1,530,025,239	92,010,099	(62,149,347)	1,559,885,991
Pada 1 April 2025	1,494,833,099	64,786,050	(138,757,317)	1,420,861,832
Penjadian unit untuk jualan	18,936,830	-	-	18,936,830
Penjadian unit untuk pengagihan pengagihan (31 Mac 2025)	36,395,520	-	-	36,395,520
Pembatalan unit	(203,064,050)	-	-	(203,064,050)
Jumlah pendapatan komprehensif	-	21,685,015	92,123,854	113,808,869
Pindahan keuntungan ternyata ke pendapatan belum diagihkan	-	(3,938,644)	3,938,644	-
Pada 30 September 2025	1,347,101,399	82,532,421	(42,694,819)	1,386,939,001

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

7.5 PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2025

	Tempoh enam bulan berakhir 30.9.2025 RM	Tempoh enam bulan berakhir 30.9.2024 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI DAN PELABURAN		
Perolehan daripada jualan pelaburan	917,903,889	739,627,351
Pembelian pelaburan	(899,942,671)	(714,001,125)
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	4,018,764	5,221,005
Dividen bersih diterima	18,455,132	30,125,640
Yuran pengurus dibayar	(7,099,241)	(7,682,267)
Yuran pemegang amanah dibayar	(225,000)	(187,500)
Perbelanjaan pentadbiran dibayar	(161,539)	(2,009,417)
Cukai dikembalikan	34,308	-
Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti operasi dan pelaburan	<u>32,983,642</u>	<u>51,093,686</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Perolehan daripada penjadian unit	50,337,850	405,930,930
Tunai dibayar untuk pembatalan unit	(177,446,080)	(417,777,850)
Pengagihan kepada pemegang unit	(36,479,160)	(39,189,630)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	<u>(163,587,390)</u>	<u>(51,036,550)</u>
(PENGURANGAN)/PENINGKATAN BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI	(130,603,748)	57,136
PERBEZAAN TUKARAN MATAWANG	(6,175,015)	(8,801,255)
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TEMPOH	<u>290,805,418</u>	<u>142,107,898</u>
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TEMPOH	<u>154,026,655</u>	<u>133,363,779</u>
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:		
Tunai di bank	36,439,506	18,511,325
Deposit dengan institusi kewangan (Nota 9)	<u>117,587,149</u>	<u>114,852,454</u>
Tunai dan persamaan tunai	<u>154,026,655</u>	<u>133,363,779</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

7.6 NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN – 30 SEPTEMBER 2025

1. UNIT AMANAH, PENGURUS DAN KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

ASN UMBRELLA - ASN EQUITY 3 ("Unit Amanah") ditubuhkan selaras dengan pelaksanaan Surat Ikatan bertarikh 11 Mac 2003, antara Pengurus, Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB"), Pemegang Amanah, AmanahRaya Trustees Berhad dan Pemegang Unit Berdaftar Unit Amanah.

Kegiatan utama Unit Amanah ialah melabur dalam "Pelaburan Dibenarkan" seperti yang didefinisikan di bawah Klausula 7 Surat Ikatan. "Pelaburan Dibenarkan" termasuk pelaburan jangka pendek dan ekuiti, saham atau debentur syarikat yang disenaraikan di mana-mana bursa saham atau mana-mana syarikat yang disyorkan oleh Pengurus dan dipersetujui oleh Pemegang Amanah. Unit Amanah ini mula beroperasi pada 17 Mac 2003 dan akan meneruskan operasinya sehingga ditamatkan oleh Pemegang Amanah seperti yang diperuntukkan di bawah Klausula 12 Surat Ikatan.

ASNB adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Permodalan Nasional Berhad ("PNB"). Kegiatan utama ASNB ialah mengurus unit amanah.

PNB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Kegiatan utama PNB ialah membeli dan memegang saham untuk meningkatkan hak milik pegangan modal saham oleh masyarakat Bumiputera di dalam sektor korporat di Malaysia. PNB telah dilantik sebagai Pengurus Pelaburan bagi Unit Amanah di bawah Perjanjian Pengurusan Pelaburan bertarikh 17 Mac 2003.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah ASNB untuk diterbitkan menurut resolusi para Pengarah pada 22 Oktober 2025.

2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan beraudit Unit Amanah bagi tempoh enam bulan berakhir 30 September 2025, telah disediakan selaras dengan Piawaian Laporan Kewangan MFRS 134 : Interim Financial Reporting ("MFRS 134").

(a) Perubahan dalam polisi perakaunan

MFRS baru dan telah disemak perlu digunakan oleh entiti dengan tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 April 2025 tidak memberi kesan kepada penyata kewangan Unit Amanah.

(b) Piawaian yang diterbitkan tetapi belum berkuatkuasa

Piawaian, Pindaan dan Tafsiran Jawatankuasa Isu-isu ("IC") yang telah diterbitkan oleh Malaysian Accounting Standards Board ("MASB") tetapi belum berkuatkuasa pada tarikh kelulusan penyata kewangan ini adalah tidak berkaitan dengan Unit Amanah.

3. MAKLUMAT DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL

(a) Instrumen Kewangan

Aset dan liabiliti kewangan diiktiraf apabila Unit Amanah terlibat dalam kontrak instrumen.

Aset dan liabiliti kewangan dinilai pada nilai saksama. Kos transaksi daripada pengambilalihan atau penjualan aset dan liabiliti kewangan (selain daripada aset dan liabiliti kewangan FVTPL) ditambah atau ditolak daripada nilai saksama aset atau liabiliti kewangan tersebut, yang difikirkan sesuai, pada permulaan ia diiktiraf. Kos transaksi daripada pengambilalihan atau penjualan aset dan liabiliti kewangan FVTPL diiktiraf dalam untung rugi.

(b) Aset-Aset Kewangan

Kesemua pembelian dan penjualan aset kewangan yang biasa adalah diiktiraf dan dinyahiktirafkan berdasarkan tarikh jualbeli. Pembelian atau penjualan yang biasa adalah pembelian dan penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang telah ditetapkan oleh peraturan atau amalan pasaran.

Aset kewangan yang diiktiraf akan dikira keseluruhannya pada kos dilunaskan atau nilai saksama, bergantung kepada pengelasan aset tersebut.

(i) Pengelasan aset kewangan

Instrumen hutang yang memenuhi kriteria berikut akan diukur pada kos dilunaskan setelah ditolak kerugian rosotnilai (kecuali instrumen hutang yang ditetapkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi pada permulaan pengiktirafan):

- Aset tersebut dipegang berdasarkan model perniagaan di mana aset dipegang untuk mendapatkan aliran tunai secara kontraktual.
- Terma-terma kontraktual instrumen tersebut akan menghasilkan pembayaran prinsipal dan faedah semata-mata atas baki prinsipal pada tarikh-tarikh tertentu.

Instrumen hutang yang tidak memenuhi kriteria di atas diklasifikasikan sebagai FVTPL atau nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif ("FVTOCI") (lihat di bawah).

Instrumen ekuiti diklasifikasikan sebagai FVTPL atau FVTOCI, bergantung kepada objektif pelaburan.

(ii) Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi ("FVTPL")

Pelaburan dalam instrumen ekuiti dikelaskan sebagai FVTPL melainkan Unit Amanah menetapkan pelaburan tersebut bukan untuk jualbeli pada awal pengiktirafan sebagai FVTOCI.

Aset kewangan dikira untuk jualbeli sekiranya:

- hanya diperoleh dengan tujuan utamanya untuk dijual dalam tempoh terdekat; atau

- Pada permulaan pengiktirafan, ianya adalah sebahagian dari portfolio instrumen kewangan yang diurus secara keseluruhannya oleh Unit Amanah yang mana telah menunjukkan corak pengambilan untung jangka pendek; atau
- Ianya adalah instrumen derivatif yang tidak ditandakan dan tidak berkesan sebagai instrumen perlindungan nilai atau sebagai jaminan kewangan.

Instrumen hutang yang tidak menepati ciri-ciri kos dilunaskan (rujuk ke atas) akan dikira sebagai FVTPL. Instrumen hutang yang menepati ciri-ciri kos dilunaskan tetapi telah ditandakan sebagai FVTPL akan dikira sebagai FVTPL. Instrumen hutang akan ditandakan sebagai FVTPL sekiranya penandaan tersebut akan menghilangkan atau mengurangkan perbezaan yang ketara dalam pengiraan atau penilaian aset atau liabiliti yang dilakukan ke atas pelaburan tersebut. Unit Amanah telah menandakan aset kewangan yang dipegang untuk tujuan jualbeli sebagai FVTPL.

Instrumen hutang dikelaskan semula dari kos dilunaskan kepada FVTPL apabila model perniagaan telah berubah sehingga menyebabkan ciri-ciri kos dilunaskan tidak lagi dipenuhi. Pengelasan semula instrumen hutang yang ditandakan sebagai FVTPL adalah tidak dibenarkan.

Aset kewangan FVTPL dikira pada nilai saksama pada setiap penghujung tempoh pelaporan dengan sebarang untung atau rugi hasil dari penilaian semula diambil kira dalam akaun untung atau rugi.

Pendapatan faedah atas instrumen hutang pada FVTPL dinyatakan berasingan dalam akaun untung atau rugi.

Pendapatan dividen dari pelaburan dalam instrumen ekuiti FVTPL dikira dalam akaun untung atau rugi apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan menurut MFRS 15: Revenue from contract with customers, dan dinyatakan berasingan dalam untung atau rugi.

(iii) Aset kewangan pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif (FVTOCI)

Pada permulaan pengiktirafan, Unit Amanah diberi pilihan untuk membuat pemilihan yang tidak boleh ditarik balik (berasaskan pada setiap instrumen) bagi menandakan pelaburan dalam instrumen ekuiti sebagai FVTOCI. Penandaan sebagai FVTOCI tidak dibenarkan sekiranya instrumen ekuiti tersebut dipegang bagi tujuan jualbeli. Unit Amanah telah menetapkan aset kewangan dengan objektif untuk pendapatan dividen yang diterima atau jangka masa sederhana dan jangka panjang sebagai FVTOCI.

Instrumen hutang dengan matlamat untuk mencapai pengumpulan aliran tunai kontraktual dan penjualan aset kewangan ditetapkan sebagai FVTOCI.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti pada FVTOCI pada permulaannya diukur pada nilai saksama ditambah kos transaksi. Berikutnya, ianya diukur pada nilai saksama dengan keuntungan dan kerugian hasil dari perubahan nilai saksama dikira dalam lain-lain pendapatan komprehensif dan dikumpul di dalam rizab-rizab lain.

Keuntungan atau kerugian terkumpul tidak akan dikelaskan semula pada untung atau rugi atas penjualan pelaburan tersebut. Walau bagaimanapun, keuntungan atau kerugian terkumpul atas instrumen hutang akan diklasifikasikan semula menjadi untung atau rugi semasa penjualan instrumen tersebut.

(iv) Rosotnilai dalam aset kewangan

Kerugian kredit diiktiraf berdasarkan model "Expected Credit Loss" ("ECL"). Unit Amanah mengiktiraf elaan kerugian untuk ECL pada instrumen kewangan yang tidak diukur pada FVTPL (aset kewangan yang merupakan instrumen hutang). Model rosotnilai ini tidak digunakan untuk pelaburan ekuiti.

ECL adalah anggaran kebarangkalian kerugian kredit. ECL diukur seperti berikut:

- Aset kewangan yang tidak rosot kredit pada tarikh pelaporan.

Nilai semasa tunai mengalami kekurangan (iaitu perbezaan antara aliran tunai yang disebabkan oleh entiti mengikut kontrak dan aliran tunai yang dijangka diterima oleh Unit Amanah);

- Aset kewangan yang rosot kredit pada tarikh pelaporan.

Perbezaan di antara jumlah bawaan kasar dan nilai semasa bagi anggaran aliran tunai masa hadapan.

Pada setiap tarikh pelaporan, Unit Amanah akan menilai sama ada aset kewangan yang dibawa pada kos yang dilunaskan telah merosot kredit. Aset kewangan adalah 'rosot kredit' apabila satu atau lebih peristiwa yang menjejaskan anggaran aliran tunai masa depan aset kewangan telah berlaku.

Bukti yang menunjukkan aset kewangan telah mengalami rosot kredit merangkumi data yang boleh diperhatikan seperti berikut :

- Pengeluar atau rakan niaga mengalami masalah kewangan yang ketara;
- Instrumen mengalami penurunan nilai penarafan kredit yang ketara dari agensi penarafan;
- Perlanggaran kontrak seperti ingkar dan lewat tempoh; atau
- Ketidadaan pasaran aktif bagi sekuriti disebabkan oleh masalah kewangan.

(v) Penyahiktirafan aset kewangan

Unit Amanah menyahiktirafkan aset kewangan hanya apabila hak atas aliran tunai dari aset tersebut berakhir, atau apabila Unit Amanah memindahmilikkan aset kewangan dan segala risiko dan pulangan pemilikan aset tersebut kepada entiti lain.

Sekiranya Unit Amanah tidak memindahmilikkan dan tidak juga mengekalkan semua risiko dan pulangan pemilikan tetapi masih menguasai aset yang telah dipindahkan tersebut, Unit Amanah hendaklah mengambil kira kepentingan dalam aset tersebut dan liabiliti yang perlu dibayar olehnya. Sekiranya Unit Amanah mengekalkan sebahagian besar risiko dan pulang pemilikan, Unit Amanah akan terus mengiktiraf aset tersebut dan juga pinjaman bercagar bagi hasil yang diterima.

Bagi penyahiktirafan aset kewangan pada kos dilunaskan, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah yang diterima akan diambil kira dalam akaun untung atau rugi.

Bagi penyahiktirafan aset kewangan pada FVTOCI, keuntungan atau kerugian terkumpul dalam rizab penilaian pelaburan tidak dikelaskan kembali ke akaun untung atau rugi tetapi dikelaskan ke rizab bolehagih ternyata.

Bagi penyahiktirafan aset kewangan pada FVTPL, keuntungan atau kerugian tak ternyata kumulatif dipindahkan ke akaun untung atau rugi semasa pelupusan.

(c) Liabiliti Kewangan dan Instrumen Ekuiti

(i) Pengelasan sebagai hutang atau ekuiti

Instrumen hutang atau ekuiti yang dikeluarkan oleh Unit Amanah dikelaskan sama ada sebagai liabiliti kewangan atau ekuiti bergantung kepada asas perjanjian dan definisi liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti.

(ii) Liabiliti kewangan

Dalam skop MFRS 9, liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan hanya apabila Unit Amanah menjadi pihak kepada kontrak instrumen kewangan.

Liabiliti kewangan Unit Amanah termasuk lain-lain pemiutang pada awalnya dikenali pada nilai saksama termasuk kos transaksi secara langsung dan seterusnya dinilai pada kos dilunaskan menggunakan kaedah kadar faedah berkesan.

(iii) Penyahiktirafan liabiliti kewangan

Unit Amanah menyahiktirafkan liabiliti kewangan hanya apabila tanggungan atau kewajipannya dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh. Perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan dan jumlah yang dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahmilik atau liabiliti diambalalih, diambil kira dalam akaun untung rugi.

(iv) Modal pemegang unit

Modal pemegang unit kepada Unit Amanah menepati tafsiran instrumen 'puttable' yang dikelaskan sebagai instrumen ekuiti mengikut pindaan MFRS 132 *Financial Instruments: Presentation*.

Pengimbangan pengagihan mewakili purata jumlah yang boleh diagih yang termasuk dalam harga penjudian dan pembatalan unit. Jumlah tersebut dipulangkan kepada pemegang unit sama ada melalui pengagihan dan/atau dipinda apabila unit dibatalkan.

(d) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan dividen kasar daripada pelaburan disebut harga dan sekim pelaburan kolektif tidak tersenarai diambil kira mengikut asas pengisytiharan, apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan.

Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan diambil kira berdasarkan perbezaan di antara pendapatan bersih dengan nilai dibawa oleh pelaburan tersebut.

Pendapatan daripada pelaburan pada kos terlunas diakru berdasarkan kaedah kadar faedah berkesan / kadar keuntungan berkesan.

(e) Mata Wang Asing

Mata wang fungsian dan pelaporan

Perkara berkaitan mata wang asing yang terkandung di dalam penyata kewangan Unit Amanah adalah diukur dengan menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana Unit Amanah beroperasi ("mata wang fungsian").

Pengurus telah membuat pertimbangan yang teliti bagi menentukan mata wang fungsian yang menggambarkan kesan ekonomi sewajarnya terhadap transaksi asas berdasarkan keadaan dan peristiwa, telah menentukan RM sebagai mata wang fungsian terutamanya disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (i) Unit-unit bagi Unit Amanah didenominasi dalam RM.
- (ii) Sebahagian besar perbelanjaan Unit Amanah didenominasi dalam RM.
- (iii) Sebahagian besar NAB Unit Amanah dilaburkan di dalam pelaburan yang didenominasi dalam RM.

Disebabkan itu, penyata kewangan Unit Amanah disediakan dalam RM iaitu mata wang fungsian dan presentasi Unit Amanah.

Transaksi dan imbalan

Transaksi mata wang asing ditukarkan kepada mata wang fungsian dengan menggunakan kadar tukaran sama pada tarikh transaksi atau valuasi di mana urusniaga akan dinilai semula. Keuntungan dan kerugian tukaran asing terhasil dari penyelesaian sesuatu transaksi dan dari perubahan kadar tukaran bagi aset dan liabiliti kewangan pada akhir tahun diiktiraf di dalam Penyata Untung Atau Rugi.

Perkara bukan kewangan diukur pada nilai saksama di dalam mata wang asing adalah ditukarkan berdasarkan kadar tukaran pada tarikh di mana nilai saksama ditentukan. Keuntungan atau kerugian yang terhasil daripada pertukaran perkara-perkara bukan kewangan yang diukur pada nilai saksama akan diambilkira sama seperti pengiktirafan keuntungan dan kerugian daripada perubahan nilai saksama sesuatu perkara (i.e perbezaan pertukaran bagi perkara-perkara yang keuntungan dan kerugian pada nilai saksama diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif ("OCI") atau penyata untung atau rugi, masing-masing juga turut diiktiraf di dalam OCI atau penyata untung atau rugi).

(f) Tunai dan Persamaan Tunai

Bagi tujuan Penyata Aliran Tunai, tunai dan persamaan tunai terdiri daripada tunai di bank, simpanan dalam panggilan dan simpanan jangka pendek berkecairan tinggi dengan tempoh matang tiga bulan atau kurang di mana perubahan dalam nilai mempunyai risiko yang tidak ketara.

(g) Cukai Pendapatan

Aset dan liabiliti cukai semasa diukur pada jumlah yang dijangka akan dikutip semula daripada atau dibayar kepada pihak berkuasa cukai. Kadar dan undang-undang cukai yang digunakan untuk mengira jumlah adalah yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal pada tarikh laporan.

Cukai semasa diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali setakat mana cukai yang berkaitan dengan perkara yang diiktiraf di luar daripada keuntungan atau kerugian, sama ada dalam lain-lain pendapatan komprehensif atau terus ke ekuiti.

Tiada cukai tertunda yang diiktiraf memandangkan tiada perbezaan yang ketara.

(h) Pengukuran Nilai Saksama

Instrumen kewangan dikira pada nilai saksama pada setiap tarikh laporan.

Nilai saksama adalah harga yang diterima untuk menjual aset atau bayaran untuk memindahkan liabiliti dalam urusan niaga yang teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan kepada anggapan bahawa transaksi untuk menjual atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada:

- Dalam pasaran utama bagi aset atau liabiliti, atau
- Sekiranya ketiadaan pasaran utama, dalam pasaran yang paling berfaedah bagi aset atau liabiliti.

Pasaran yang paling utama atau berfaedah mesti boleh diakses oleh Unit Amanah.

Nilai saksama bagi aset atau liabiliti dikira dengan menggunakan andaian bahawa peserta pasaran menilai aset atau liabiliti, bertindak demi kepentingan ekonomi mereka yang terbaik.

Unit Amanah menggunakan teknik penilaian yang sesuai dengan keadaan dan maklumat yang mencukupi untuk mengukur nilai saksama, memaksimumkan penggunaan input yang boleh diperhatikan dan meminimumkan penggunaan input yang tidak boleh diperhatikan.

Semua aset yang mana nilai saksama diukur atau dinyatakan di dalam penyata kewangan dikategorikan dalam turutan nilai saksama, seperti berikut, berdasarkan input paras terendah yang penting kepada ukuran nilai saksama secara keseluruhan:

- Aras 1 : Harga tak terlaras disebut harga dalam pasaran aktif bagi aset dan liabiliti atau serupa
- Aras 2 : Input yang berdasarkan maklumat yang boleh dilihat di pasaran, sama ada secara langsung atau tidak langsung
- Aras 3 : Input yang tidak berdasarkan maklumat yang boleh dilihat di pasaran

Bagi aset yang diiktiraf di dalam penyata kewangan secara berulang, Unit Amanah akan tentukan sama ada pemindahan berlaku antara Tahap dalam turutan dengan menilai semula pengkategorian (berdasarkan kepada input paras terendah yang penting kepada pengukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tempoh pelaporan.

(i) Penilaian dan Anggaran Perakaunan yang Material

Penyediaan penyata kewangan Unit Amanah memerlukan Pengurus untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah hasil, perbelanjaan, aset dan liabiliti dan pendedahan liabiliti luar jangka pada tarikh laporan. Walau bagaimanapun, ketidakpastian tentang andaian dan anggaran ini boleh menyebabkan keputusan yang mana memerlukan pelarasan ketara kepada jumlah dibawa oleh aset atau liabiliti pada masa akan datang.

Tiada pertimbangan utama telah dibuat oleh Pengurus dalam menggunakan pakai dasar-dasar perakaunan Unit Amanah. Tiada terdapat andaian utama mengenai masa depan dan lain - lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh laporan ini, yang mempunyai risiko penting yang boleh menyebabkan pelarasan penting kepada jumlah dibawa aset dan liabiliti dalam tempoh kewangan akan datang.

4. YURAN PENGURUS

Klausula 13.1 Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pengurus berhak menerima yuran tidak melebihi 1.5% setahun daripada Nilai Aset Bersih ("NAB") boleh agih kepada pemegang-pemegang Unit Amanah, dikira dan diakru secara harian seperti yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah.

Yuran Pengurus yang dikenakan bagi tempoh enam bulan berakhir 30 September 2025 ialah 1% (enam bulan berakhir 30 September 2024: 1%) setahun daripada NAB Unit Amanah.

5. YURAN PEMEGANG AMANAH

Klausula 13.2 Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pemegang Amanah berhak menerima yuran pada kadar yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dari semasa ke semasa. Telah dipersetujui bahawa yuran Pemegang Amanah akan dikenakan sebanyak RM450,000 atau 0.07% setahun daripada NAB Unit Amanah, yang mana lebih rendah, dikira dan diakru secara harian.

Yuran Pemegang Amanah yang dikenakan bagi tempoh enam bulan berakhir 30 September 2025 ialah RM225,000 (enam bulan berakhir 30 September 2024: RM225,000).

6. CUKAI

Unit Amanah telah diberikan pengecualian daripada cukai pendapatan oleh Menteri Kewangan mengikut bidangkuasa yang diberikan kepadanya di bawah Seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan, 1967, sehingga tahun taksiran 2026.

Disebabkan oleh pengecualian daripada cukai, potongan cukai di sumber bagi pendapatan dividen yang diperolehi daripada REITs akan dibayar semula oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

7. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI LAIN-LAIN PENDAPATAN KOMPREHENSIF (FVTOCI)

		30.9.2025	31.3.2025
		RM	RM
Pada Kos:			
Pelaburan disebut harga - dalam negara:			
Saham biasa	(a)	790,494,763	922,719,064
Pelaburan tidak disebut harga	(b)	1,200,325	-
Skim pelaburan kolektif	(c)	11,768,532	8,910,918
		<u>803,463,620</u>	<u>931,629,982</u>
Pada Nilai Saksama:			
Pelaburan disebut harga - dalam negara:			
Saham biasa	(a)	784,275,036	852,987,606
Pelaburan tidak disebut harga	(b)	1,200,320	-
Skim pelaburan kolektif	(c)	6,322,500	3,492,500
		<u>791,797,856</u>	<u>856,480,106</u>

(a) Pelaburan disebut harga - dalam negara

Pelaburan disebut harga - dalam negara pada 30 September 2025 adalah seperti berikut:

				Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 30.9.2025 %
Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	
Saham biasa				
Perkhidmatan Komunikasi				
Axiata Group Berhad	6,742,229	41,414,462	18,069,174	1.30
Telekom Malaysia Berhad	5,200,000	33,775,003	36,816,000	2.65
	11,942,229	75,189,467	54,885,174	3.95
Penjagaan Kesihatan				
KPJ Healthcare Berhad	10,000,000	24,947,338	27,500,000	1.98
Barangan Asasi Pengguna				
Dutch Lady Milk				
Industries Berhad	567,200	31,815,148	15,382,464	1.11
ECO-Shop Marketing Berhad	4,667,200	5,273,936	6,860,784	0.49
Farm Fresh Berhad	5,500,000	10,016,109	12,485,000	0.90
	10,734,400	47,105,194	34,728,248	2.50

				Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 30.9.2025
Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	%
Saham biasa (samb.)				
Barangan Bukan Asasi Pengguna				
Oriental Kopi Holdings Berhad	13,385,100	5,889,444	18,069,885	1.30
Tenaga				
Dialog Group Berhad	6,000,000	19,403,435	11,340,000	0.82
Vantris Energy Berhad	1,117,946	23,870,431	609,281	0.04
Petronas Chemical Group Berhad	2,431,600	10,711,029	10,285,668	0.74
	9,549,546	53,984,895	22,234,949	1.60
Kewangan				
AMMB Holdings (M) Berhad	2,800,000	12,799,590	15,820,000	1.14
CIMB Group Holdings Berhad	8,000,000	50,393,520	58,720,000	4.23
Hong Leong Bank Berhad	1,150,000	23,867,171	23,598,000	1.70
Malayan Banking Berhad	7,000,000	65,439,520	69,370,000	5.00
Public Bank Berhad	19,788,200	91,383,516	85,682,906	6.18
RHB Bank Berhad	1,500,000	9,757,719	9,900,000	0.71
	40,238,200	253,641,035	263,090,906	18.96
Perindustrian				
Gamuda Berhad	7,500,000	18,921,652	41,475,000	2.99
IJM Corporation Berhad	3,400,000	8,815,568	9,588,000	0.69
Nationgate Holdings Berhad	6,000,000	2,930,755	7,320,000	0.53
Sunway Construction Group Berhad	1,600,000	9,218,034	9,680,000	0.70
Cheeding Holdings Berhad	5,600,000	2,016,005	2,016,000	0.15
Westports Holdings Berhad	1,658,200	7,340,440	8,887,952	0.64
HI Mobility Berhad	1,900,000	2,318,000	4,655,000	0.34
Frontken Corp Berhad	5,500,000	24,413,823	22,825,000	1.65
	33,158,200	75,974,278	106,446,952	7.69

				Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 30.9.2025 %
Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	
Saham biasa (samb.)				
Teknologi Maklumat				
Inari Amertron Berhad	2,500,000	7,668,898	5,175,000	0.37
MI Technovation Berhad	2,700,000	10,753,781	6,453,000	0.47
	5,200,000	18,422,679	11,628,000	0.84
Bahan Asas				
Press Metal Aluminium Holdings Berhad	2,000,000	11,737,333	11,820,000	0.85
Hartanah				
Sime Darby Property Berhad	25,000,000	37,727,232	36,750,000	2.65
SP Setia Berhad	9,185,362	20,418,886	9,460,923	0.68
Sunway Berhad	6,400,000	15,177,585	36,160,000	2.61
Eco World Development Group Berhad	11,700,000	22,884,540	25,623,000	1.85
	52,285,362	96,208,244	107,993,923	7.79
Utiliti				
Tenaga Nasional Berhad	6,100,000	89,276,206	80,642,000	5.81
YTL Corporation Berhad	14,000,000	32,876,172	38,920,000	2.81
YTL Power International Berhad	1,500,000	5,242,480	6,315,000	0.46
	21,600,000	127,394,858	125,877,000	9.08
Jumlah saham biasa	210,093,037	790,494,763	784,275,036	56.54
Jumlah pelaburan disebut harga - dalam negara	210,093,037	790,494,763	784,275,036	56.54

(b) Pelaburan tidak disebut harga

Pelaburan tidak disebut harga pada 30 September 2025 adalah seperti berikut:

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 30.9.2025 %
Saham biasa				
Perindustrian				
Testing House Malaysia Holdings Berhad	3,872,000	1,200,325	1,200,320	2.81
Jumlah pelaburan tidak disebut harga	3,872,000	1,200,325	1,200,320	2.81

(c) Skim pelaburan kolektif

Skim pelaburan kolektif pada 30 September 2025 adalah seperti berikut:

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 30.9.2025 %
REITs				
Capitaland Malaysia Trust	5,500,000	8,910,918	3,382,500	0.24
Sunway Real Estate Investment Trust	1,400,000	2,857,615	2,940,000	0.21
	6,900,000	11,768,532	6,322,500	0.45
Jumlah skim pelaburan kolektif	6,900,000	11,768,532	6,322,500	0.45

8. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI (FVTPL)

		30.9.2025 RM	31.3.2025 RM
Pada Kos			
Sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga	(a)	37,000,000	42,000,000
Pelaburan disebut harga			
- dalam negara:	(b)	268,026,381	217,209,331
Skim pelaburan kolektif	(c)	64,588,468	37,512,166
Pelaburan disebut harga			
- luar negara:	(d)	124,667,395	84,946,983
		<u>494,282,244</u>	<u>381,668,480</u>
Pada nilai saksama			
Sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga	(a)	38,072,400	43,019,770
Pelaburan disebut harga			
- dalam negara:	(b)	251,243,225	179,793,663
Skim pelaburan kolektif	(c)	72,535,214	36,397,593
Pelaburan disebut harga			
- luar negara:	(d)	113,288,592	64,577,654
		<u>475,139,431</u>	<u>323,788,680</u>

(a) Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga

Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga pada 30 September 2025 adalah seperti berikut:

	Nilai Nominal RM	Kos Diselaraskan RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 30.9.2025 %
Nota Islam Jangka Sederhana				
4.58% Kuala Lumpur Kepong Berhad 12.8.2025	5,000,000	5,000,000	5,064,150	0.37
4.84% PNB Merdeka Ventures Sdn. Bhd. 29.12.2025	5,000,000	5,000,000	5,084,900	0.37
6.18% Projek Lintasan Sungai Besi - Ulu Klang Sdn. Bhd. 27.11.2026	5,000,000	5,000,000	5,118,450	0.37

	Nilai Nominal RM	Kos Diselaraskan RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 30.9.2025 %
Nota Islam Jangka Sederhana (samb.)				
6.63% Projek Lintasan Sungai Besi - Ulu Klang Sdn. Bhd. 27.11.2025	17,000,000	17,000,000	17,555,900	1.27
5.05% Sarawak Petchem Sdn. Bhd. 27.1.2026	5,000,000	5,000,000	5,249,000	0.37
Jumlah Nota Islam Jangka Sederhana	37,000,000	37,000,000	38,072,400	2.75
Jumlah pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga	37,000,000	37,000,000	38,072,400	2.75

(b) Pelaburan disebut harga - dalam negara

Pelaburan disebut harga - dalam negara pada 30 September 2025 adalah seperti berikut:

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 30.9.2025 %
Saham biasa				
Barangan Asasi Pengguna				
ECO-Shop Marketing Berhad	2,915,400	3,738,511	4,285,638	0.31
Barangan Bukan Asasi Pengguna				
Oriental Kopi Holdings Berhad	250,000	207,500	337,500	0.02
Kewangan				
CIMB Group Holdings Berhad	3,700,000	26,548,743	27,158,000	1.96
Malayan Banking Berhad	4,500,000	45,884,331	44,595,000	3.22
	8,200,000	72,433,073	71,753,000	5.18

				Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 30.9.2025 %
Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	
Saham biasa				
Penjagaan Kesihatan				
KPJ Healthcare Berhad	5,878,100	15,875,310	16,164,775	1.17
Hartalega Holdings Berhad	1,421,100	26,802,243	1,662,687	0.12
	7,299,200	42,677,554	17,827,462	1.29
Perindustrian				
IJM Corp Berhad	7,000,000	15,292,151	19,740,000	1.42
Gamuda Berhad	2,800,000	12,507,973	15,484,000	1.12
Nationgate Holdings Berhad	8,032,800	15,542,424	9,800,016	0.71
Frontken Corp Berhad	1,000,000	3,819,960	4,150,000	0.30
Sunway Construction Group Berhad	3,500,000	11,204,951	21,175,000	1.53
Westport Holdings Berhad	9,552	47,760	51,199	-
	22,342,352	58,415,219	70,400,215	5.08
Tenaga				
Petronas Chemical Group Berhad	265,900	866,657	1,124,757	0.08
Teknologi Maklumat				
Greatech Technology Berhad	4,400,000	11,750,624	9,372,000	0.68
Inari Amertron Berhad	3,000,000	9,743,252	6,210,000	0.45
	7,400,000	21,493,876	15,582,000	1.13
Bahan Asas				
Malayan Cement Berhad	216,800	1,098,858	1,524,104	0.11
Press Metal Aluminium Holdings Berhad	1,000,000	4,772,545	5,910,000	0.43
	1,216,800	5,871,403	7,434,104	0.54
Utiliti				
YTL Corporation Berhad	776,260	-	993,613	0.07
YTL Power International Berhad	8,926,100	31,700,092	35,064,936	2.53
Tenaga Nasional Berhad	2,000,000	30,622,496	26,440,000	1.91
	11,702,360	62,322,588	62,498,549	4.51
Jumlah saham biasa				
- Dalam Negara	61,592,012	268,026,381	251,243,225	18.14

LAPORAN SETENGAH TAHUNAN ASN EQUITY 3 BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2025

(c) Skim pelaburan kolektif

Skim pelaburan kolektif pada 30 September 2025 adalah seperti berikut:

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 30.9.2025 %
Dana				
China				
ChinaAMC CSI Robot ETF	11,000,000	7,102,040	7,100,102	0.51
Hong Kong				
ChinaAMC Global ETF Series - ChinaAMC Hang Seng TE	2,346,400	10,279,314	10,475,039	0.76
Ireland				
First Trust Nasdaq Clean Edge Smart Grid Infrastructure	34,000	7,130,309	7,449,091	0.54
Amerika Syarikat				
Global X Silver Miners ETF	27,000	6,947,062	8,132,899	0.59
Sprott Uranium Miners ETF	60,000	12,218,476	15,247,214	1.10
VanEck Junior Gold Miners ETF	40,000	14,201,758	16,657,638	1.20
VanEck Rare Earth and Strategic Metals ETF	27,000	6,709,509	7,473,229	0.54
	154,000	40,076,805	47,510,980	3.43
Jumlah skim pelaburan kolektif	13,534,400	64,588,468	72,535,214	5.24

(d) **Pelaburan disebut harga - luar negara**

Pelaburan disebut harga - luar negara pada 30 September 2025 adalah seperti berikut:

				Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 30.9.2025 %
Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	
Saham biasa				
China				
Perkhidmatan Komunikasi				
Xiaomi Corp	220,000	7,067,268	6,420,813	0.46
Teknologi Maklumat				
Cambricon Technologies Corp Ltd	8,500	6,419,270	6,650,994	0.48
Perancis				
Perindustrian				
Cie de Saint-Gobain SA	15,000	7,140,354	6,792,954	0.49
Jerman				
Teknologi Maklumat				
Siemens AG	6,200	6,905,312	7,020,916	0.51
SAP SE	8,000	9,996,525	9,007,865	0.65
	14,200	16,901,837	16,028,781	1.16
Bahan Asas				
Heidelberg Materials AG	7,500	7,382,197	7,097,918	0.51
Indonesia				
Barangan Bukan Asasi Pengguna				
Goto Gojek				
Tokopedia Tbk Pt	42,824,250	4,681,460	583,357	0.04

				Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 30.9.2025 %
Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	
Saham biasa (samb.)				
Singapura				
Perkhidmatan Komunikasi				
Sea Ltd	5,000	5,256,393	3,757,977	0.27
Perindustrian				
Grab Holdings Ltd	509,053	20,350,200	12,886,831	0.93
Korea Selatan				
Teknologi Maklumat				
SK Hynix Inc	60,000	12,841,350	15,078,371	1.09
Taiwan				
Teknologi Maklumat				
Taiwan Semiconductor Manufacturing Co Ltd	80,000	14,116,954	14,401,748	1.04
Wiwynn Corp	30,000	12,464,045	13,718,906	0.99
	110,000	26,580,999	28,120,654	2.03
Amerika Syarikat				
Teknologi Maklumat				
Marvell Technology Inc	6,000	3,208,487	2,121,187	0.15
Bahan Asas				
Applied Materials Inc	9,000	6,837,581	7,748,754	0.56
Jumlah saham biasa - luar negara				
	43,788,503	124,667,395	113,288,592	8.17

9. DEPOSIT DENGAN INSTITUSI KEWANGAN

	30.9.2025 RM	31.3.2025 RM
Pada kos :		
Bank-bank berlesen	117,587,149	182,530,546
Lain-lain institusi kewangan	-	35,000,000
	<u>117,587,149</u>	<u>217,530,546</u>

Purata wajaran kadar faedah efektif ("PWKFE") tahunan dan purata kematangan bagi simpanan dengan institusi kewangan pada tarikh penyata aset dan liabiliti adalah seperti berikut:

	30.9.2025		31.3.2025	
	PWKFE (% p.a.)	Purata Kematangan (Hari)	PWKFE (% p.a.)	Purata Kematangan (Hari)
Bank-bank berlesen	3.09	4	2.97	4
Lain-lain institusi kewangan	-	-	0.58	2
	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>0.58</u>	<u>2</u>

Tiada deposit dengan institusi kewangan dengan tempoh matang melebihi 90 hari.
(31 Mac 2025: Tiada)

10. PENDAPATAN BELUM DITERIMA

	30.9.2025 RM	31.3.2025 RM
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	680,515	808,089
Dividen belum terima	2,882,372	5,281,490
Tunai belum terima dari kontrak tukaran asing hadapan untuk penyelesaian dagangan	24,338	24,338
	<u>3,587,225</u>	<u>6,113,917</u>

11. JUMLAH TERHUTANG DARIPADA/KEPADA PNB

	30.9.2025 RM	31.3.2025 RM
Jumlah terhutang daripada PNB: Penjadian unit	<u>6,157,200</u>	<u>1,162,700</u>
Jumlah terhutang kepada PNB: Pembatalan unit	<u>28,778,080</u>	<u>3,160,110</u>

12. MODAL PEMEGANG UNIT

	30.9.2025		31.3.2025	
	Unit	RM	Unit	RM
Pada awal tempoh/tahun	1,499,200,000	1,494,833,099	1,490,100,000	1,491,961,219
Penjadian unit				
- Jualan	19,580,000	18,936,830	500,220,000	496,993,510
- Pengagihan	38,400,000	36,395,520	10,980,000	8,646,820
	57,980,000	55,332,350	511,200,000	505,640,330
Pembatalan unit	(207,880,000)	(203,064,050)	(502,100,000)	(502,768,450)
	(149,900,000)	(147,731,700)	9,100,000	2,871,880
Pada akhir tempoh/tahun	1,349,300,000	1,347,101,399	1,499,200,000	1,494,833,099

13. UNIT DIPEGANG OLEH PENGURUS DAN PNB

Sepanjang tempoh enam bulan berakhir 30 September 2025, Pengurus tidak memegang sebarang unit di dalam Unit Amanah. Pada 30 September 2025, PNB secara sah memegang 683,397 unit (31 Mac 2025: 849,382 unit) merangkumi 0.06% (31 Mac 2024: 0.06%) daripada jumlah unit yang diterbitkan.

14. URUS NIAGA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT BROKER SAHAM/ BROKER/ DEALER/ INSTITUSI KEWANGAN

Sepuluh syarikat broker saham/ broker/ dealer/ institusi kewangan terbesar mengikut nilai urus niaga adalah seperti berikut:

Syarikat Broker	Nilai Urus Niaga		Yuran Broker	
	RM	%	RM	%
CitiGroup Global Markets Malaysia Sdn. Bhd.	209,738,970	11.96	154,942	18.96
CLSA Securities Malaysia Sdn. Bhd.	130,397,959	7.43	51,354	6.29
Macquarie Capital Securities (Malaysia) Sdn. Bhd.	113,784,162	6.49	12,675	1.55
HSBC Bank Malaysia Berhad*	109,493,868	6.24	3,522	0.43
CGS International Securities Malaysia Sdn. Bhd.	101,761,943	5.80	32,646	4.00
UBS Securities Malaysia Sdn. Bhd.*	98,355,960	5.61	32,018	3.92
CIMB Securities Sdn. Bhd.*	97,644,977	5.57	151,991	18.60
JP Morgan Securities (Malaysia) Sdn. Bhd.	85,607,544	4.88	15,888	1.94
Daiwa Securities Group Inc.	78,115,672	4.45	4,540	0.56
Nomura Securities Malaysia Sdn. Bhd.	77,138,151	4.40	26,697	3.27
Lain-lain	652,096,749	37.17	330,772	40.48
	<u>1,754,135,955</u>	<u>100.00</u>	<u>817,046</u>	<u>100.00</u>

ASNB tidak mempunyai pegangan ekuiti secara langsung dalam syarikat-syarikat broker saham tersebut.

* PNB dan/atau tabung unit amanah di bawah pengurusan ASNB mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat induk terakhir bagi syarikat-syarikat berkenaan.

Segala urusan dengan syarikat-syarikat broker saham telah dilaksanakan menurut perjalanan biasa berdasarkan syarat-syarat dalam industri.

15. PUSING GANTI PORTFOLIO

	Tempoh enam bulan berakhir 30.9.2025	Tempoh enam bulan berakhir 30.9.2024
Pusing Ganti Portfolio ("PGP")	0.64 kali	0.37 kali

PGP adalah dikira berdasarkan pada nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan di dalam tempoh kewangan dengan purata NAB Unit Amanah untuk tempoh kewangan dikira berpandukan asas harian.

16. NISBAH PERBELANJAAN PENGURUSAN

	Tempoh enam bulan berakhir 30.9.2025	Tempoh enam bulan berakhir 30.9.2024
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan ("NPP")	0.65%	0.66%

NPP adalah dikira berdasarkan pada nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan Unit Amanah yang dikembalikan dengan purata NAB Unit Amanah untuk tempoh kewangan dikira berpandukan asas harian.

17. TURUTAN NILAI SAKSAMA

Unit Amanah menggunakan turutan berikut untuk menentukan nilai saksama semua instrumen kewangan yang dibawa pada nilai saksama:

Aras 1 : Harga tak terlaras disebut harga dalam pasaran aktif bagi aset dan liabiliti atau serupa.

Aras 2 : Input yang berdasarkan maklumat yang boleh dilihat di pasaran, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Aras 3 : Input yang tidak berdasarkan maklumat yang boleh dilihat di pasaran.

30.9.2025	Aras 1	Aras 2	Aras 3	Jumlah
Pelaburan pada FVTOCI				
Pelaburan disebut harga	784,275,036	-	-	784,275,036
Pelaburan tidak disebut harga	-		1,200,320	1,200,320
Skim pelaburan kolektif	6,322,500	-	-	6,322,500
	<u>790,597,536</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>791,797,856</u>

30.9.2025 (samb.)	Aras 1	Aras 2	Aras 3	Jumlah
--------------------------	---------------	---------------	---------------	---------------

Pelaburan pada FVTPL

Pelaburan disebut harga	364,531,817	-	-	364,531,817
Skim pelaburan kolektif	72,535,214	-	-	72,535,214
Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga	-	38,072,400	-	38,072,400
	<u>437,067,031</u>	<u>38,072,400</u>	<u>-</u>	<u>475,139,431</u>

31.3.2025	Aras 1	Aras 2	Aras 3	Jumlah
------------------	---------------	---------------	---------------	---------------

Pelaburan pada FVTOCI

Pelaburan disebut harga	852,987,606	-	-	852,987,606
Pelaburan tidak disebut harga	3,492,500	-	-	3,492,500
	<u>856,480,106</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>856,480,106</u>

Pelaburan pada FVTPL	Aras 1	Aras 2	Aras 3	Jumlah
-----------------------------	---------------	---------------	---------------	---------------

Pelaburan disebut harga	244,371,317	-	-	244,371,317
Skim pelaburan kolektif	36,397,593	-	-	36,397,593
Pelaburan berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga	-	43,019,770	-	43,019,770
	<u>280,768,910</u>	<u>43,019,770</u>	<u>-</u>	<u>323,788,680</u>

Tiada pindahan dari Aras 1 dan Aras 2 dalam tahun kewangan semasa dan sebelumnya.

18. INSTRUMEN KEWANGAN DAN PENDEDAHAN BERKAITAN

Nilai Saksama

Kaedah dan andaian seperti berikut digunakan dalam anggaran nilai saksama bagi setiap kelas instrumen kewangan yang berikut:

(i) Tunai dan persamaan tunai, deposit dengan institusi kewangan, jumlah terhutang daripada/ (kepada) broker saham, dan pendapatan belum diterima/pelbagai pemiutang

Nilai dibawa merupakan anggaran nilai saksama disebabkan oleh tempoh matang yang pendek bagi instrumen-instrumen kewangan ini.

(ii) Pelaburan disebut harga

Nilai saksama saham disebut harga, waran dan REITs ditentukan berdasarkan harga terakhir yang disebut di Bursa Malaysia dan Bloomberg untuk pelaburan luar negara pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

(iii) Sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga

Nilai saksama bagi sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga, dan sekuriti modal bercantum ditentukan berdasarkan harga yang dikeluarkan oleh Bond Pricing Agency Sdn. Bhd., agensi bon berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

(iv) Skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan

Nilai saksama bagi skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan adalah berdasarkan kepada harga terbitan pembelian terakhir.

19. LAPORAN BERSEGMENT

Unit Amanah diuruskan secara satu bahagian iaitu pelaburan di dalam pelbagai instrumen kewangan. Aktiviti-aktiviti Unit Amanah adalah berhubung-kait dan setiap aktiviti adalah berkaitan dengan satu sama lain. Justeru, semua keputusan penting operasi adalah berdasarkan satu strategi pelaburan yang diintegrasikan dan prestasi Unit Amanah dinilai secara keseluruhan.

20. PERBANDINGAN

Perbandingan penyata kewangan adalah seperti berikut:

- (i) Perbandingan penyata kedudukan kewangan dan nota-nota berkenaan adalah pada tarikh 31 Mac 2025.
- (ii) Perbandingan penyata untung atau rugi, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai dan nota-nota berkenaan adalah untuk tempoh dari 1 April 2024 sehingga 30 September 2024.

21. MATA WANG

Semua jumlah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia ("RM").

8. ALAMAT CAWANGAN ASNB

WILAYAH PERSEKUTUAN	
Kaunter Utama ASNB, Tingkat 1, Balai PNB, 201-A, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur , Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Unit No. A-G-R4, A-G-R5, A-G-R6 & A-G-R7, Block A, Bangunan Suasana PJH, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2, 62100 Putrajaya , Wilayah Persekutuan Putrajaya
SELANGOR	
Lot 18-1 & 18-2, Pusat Dagangan Shah Alam, Persiaran Damai, Seksyen 11, 40000 Shah Alam , Selangor	No. 7, Jalan Medan Niaga 2, Medan Niaga Kuala Selangor, 45000 Kuala Selangor , Selangor
MELAKA	
No. 11 & 13, Kompleks Perniagaan Al-Azim, Jalan KPAA 1, Bukit Baru , 75150 Melaka	No. 120 & 121, Jalan Dato' Bandar Tunggal, 70000 Seremban , Negeri Sembilan
PERAK	
No. 8 & 8A, Persiaran Greentown 1, Greentown Business Centre, 30450 Ipoh , Perak	No. 273, Jalan Intan 12, Bandar Baru Teluk Intan, 36000 Teluk Intan , Perak
PAHANG	
No. 71 & 73, Tingkat Bawah, Jalan Tun Ismail, 25000 Kuantan , Pahang	No. 8, Jalan Ahmad Shah, Bandar Seri Semantan, 28000 Temerloh , Pahang
PULAU PINANG	
A-12A-1 & A-12A-2, Lorong Bayan Indah 4, Bay Avenue, 11900 Bayan Lepas , Pulau Pinang	No. 12, Jalan Todak 3, Pusat Bandar Seberang Jaya, 13700 Seberang Jaya , Pulau Pinang
PERLIS	
Lot 7, Jalan Indera Kayangan, 01000 Kangar , Perlis	Lot 1, 2 & 3, Tingkat Bawah dan Tingkat 1, Jalan Pejabat, Mukim Bandar, 20200 Kuala Terengganu , Terengganu <i>Ahad - Khamis 8:15 a.m. - 4:00 p.m. (Kecuali Cuti Umum)</i>
KEDAH	
No. 27, Kompleks Shahab Perdana, Jalan Sultanah Sambungan, 05250 Alor Setar , Kedah	No. 51 dan 53, Jalan Perdana Heights 2/2, Perdana Heights, 08000 Sungai Petani , Kedah
JOHOR	
No. 9 & 9A dan No. 10 & 10A, Jalan Abdul Rahman, Bandar Penggaram, 83000 Batu Pahat , Johor	No. 12 & 14, Jalan Padi Emas 1/2, Uda Business Centre, 81200 Johor Bahru , Johor

JOHOR	
No. 6 dan 7, Jalan Muhibbah, Taman Muhibbah, 85000 Segamat , Johor	
KELANTAN	
Lot 1182 & 1183, Jalan Kebun Sultan, 15350 Kota Bharu , Kelantan <i>Ahad - Khamis 8:15 a.m. - 4:00 p.m. (Kecuali Cuti Umum)</i>	No. 52, 52A & 52B, Jalan Pasir Puteh Sentral 2/5, 16800 Pasir Puteh , Kelantan <i>Ahad - Khamis 8:15 a.m. - 4:00 p.m. (Kecuali Cuti Umum)</i>
SABAH	
Tingkat Bawah dan Satu, No. A-G-18 & A-1-18, Blok A, Sutera Avenue, Jalan Coastal, 88100 Kota Kinabalu , Sabah	TB 4287 & 4280, Tingkat Bawah & Satu, Town Ext II, Jalan Masjid, Kompleks Fajar Tawau, 91000 Tawau , Sabah
Tingkat Bawah, Lot 1, Circular Blok A Harbour Town, Jalan Pantai, 91100 Lahad Datu , Sabah	Lot 8 & 9, Blok B, Pusat Komersil Datun, Jalan Masak, 89008 Keningau , Sabah
Lot 15, Tingkat Bawah, Bandar Pasaraya, Fasa I, 90000 Sandakan , Sabah	
SARAWAK	
Tingkat Bawah, Lot 499, Al-Idrus Commercial Centre, Seksyen 6, Jalan Kulas, 93400 Kuching , Sarawak	Lot 1959, Tingkat Bawah Lot 1960 & 1961, Marina Square Phase 2, Marina Park City, 98000 Miri , Sarawak
Sublot 2 & 3, Lot 4496, Junction 28, Jalan Keppel, 97000 Bintulu , Sarawak	Lot 1457 & 1458, Sg. Kudong Shophouse, Ground Floor, Jalan Buangsiol, 98700 Limbang , Sarawak
Lot 1922 & 1923, Lorong 1, Jalan Kelab, 95000 Sri Aman , Sarawak	Lot 1007 & 1008, Jalan Kampung Nyabor, 96000 Sibu , Sarawak

9. MAKLUMAT KORPORAT

PENGURUS

Amanah Saham Nasional Berhad
197901003200 (47457-V)

Anak syarikat milik penuh:

Permodalan Nasional Berhad
197801001190 (38218-X)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 91, Menara Merdeka 118
Presint Merdeka 118
50118 Kuala Lumpur

PUSAT KHIDMAT PELANGGAN ASNB

03-7730 8899

EMEL

asnbcare@asnb.com.my

LAMAN WEB

www.asnb.com.my

PORTAL

www.myasnb.com.my

MyASNB App

PEMEGANG AMANAH

AmanahRaya Trustees Berhad
200701008892 (766894-T)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 34, Vista Tower, The Intermark
348, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur

TELEFON

03-2036 5129

EMEL

info@artrustees.com.my

LAMAN WEB

www.artrustees.my

MUKA SURAT INI SENGAJA DIKOSONGKAN

MUKA SURAT INI SENGAJA DIKOSONGKAN

